

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pengenalan

Bab ini mengupas berkenaan perbincangan ringkasan kajian, dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bagi ringkasan kajian menyimpulkan pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian, persampelan, prosedur pengumpulan dan penganalisan data. Dapatan kajian membincangkan tentang dapatan *Fuzzy Delphi* berdasarkan soal selidik yang dijalankan. Seterusnya, implikasi kajian membahaskan implikasi terhadap amalan dari dapatan kajian. Akhir sekali, disertakan cadangan kajian lanjutan bagi melengkapkan kajian ini.

Ringkasan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji reka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Kajian ini merangka suatu reka bentuk kurikulum yang bersesuaian bagi mempelajari BIM yang berkaitan dengan PAFA untuk golongan pekak. Bahasa isyarat merupakan bahasa yang digunakan oleh golongan pekak. Golongan pekak yang beragama Islam wajib mempelajari PAFA sebagai asas kekuatan Muslim yang sejati. Oleh itu, guru atau individu yang mengajar PAFA kepada golongan pekak perlulah menguasai bahasa isyarat supaya dapat memudahkan komunikasi dengan golongan pekak tetapi dapat memudahkan golongan pekak memahami dan menghayati pembelajaran PAFA dengan lebih baik dan berkesan.

Kajian ini menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi*. Pada peringkat pertama, kajian ini dimulakan dengan melakukan temu bual bagi mendapatkan tema soal selidik *Fuzzy* dengan teknik *Delphi*. Temu bual telah dijalankan kepada 5 orang pakar. Berdasarkan model

kurikulum Taba, 4 bahagian telah di temu bual kepada pakar bagi mendapatkan tema-tema pada setiap bahagian. Antara 4 bahagian tersebut ialah objektif, isi kandungan, aktiviti pembelajaran dan penilaian. Dapatan daripada temu bual pakar telah membentuk tema-tema pada setiap bahagian untuk membina instrumen soal selidik *Fuzzy* bagi mereka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Data dari soal selidik ini telah dianalisis untuk mendapatkan konsensus pakar.

Pada peringkat kedua, pendekatan Fuzzy Delphi digunakan berdasarkan *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification Process* untuk menganalisis respon daripada 30 orang pakar dalam bidang tertentu seperti kurikulum, pendidikan khas (masalah pendengaran), pendidikan khas pendidikan Islam (masalah pendengaran), dan Bahasa Isyarat Malaysia. Kesemua 28 item dipersetujui oleh pakar telah mencapai konsensus tertinggi yang menunjukkan nilai *defuzzification* melebihi 0.60 dengan tahap persetujuan ‘sangat setuju, setuju’ dan ‘sederhana setuju’.

Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa pakar mencapai konsensus yang tinggi pada kesemua 28 item dalam membuat keputusan terhadap reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, terdapat empat bahagian persoalan yang dibincangkan. Antaranya ialah;

1. Apakah objektif kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?
2. Apakah isi kandungan kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?
3. Apakah aktiviti pembelajaran kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?
4. Apakah bentuk penilaian kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?

Perbincangan Dapatan Reka Bentuk Objektif Kurikulum BIM untuk Golongan Pakar bagi PAFA

Analisis dimulakan dengan menjawab soalan kajian 1 iaitu “Apakah objektif kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA mengikut pandangan pakar?”.

Berdasarkan soal selidik yang dilakukan terhadap 30 orang pakar bagi bahagian objektif kesemua pakar bersetuju dengan kesemua 4 jenis item dengan mencapai konsensus pakar melebihi 0.60. Walaubagaimanapun, item B 1 dan B 2 perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu dengan nilai *defuzzification* (0.72) di dalam objektif kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA dengan mendapat kedudukan pertama berdasarkan kesepakatan persetujuan secara kolektif.

Mengikut konsensus pakar, objektif kurikulum iaitu “meningkatkan kemahiran, kefahaman, dan penguasaan komuniti pakar terhadap PAFA dengan menggunakan BIM

sebagai alat komunikasi utama” dan “menarik minat komuniti pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan” merupakan objektif yang perlu diutamakan dan diberikan penekanan terlebih dahulu. Hal ini kerana, seorang guru atau individu yang mengajar PAFA perlu mempunyai kemahiran, kefahaman dan penguasaan pgunaan BIM untuk PAFA supaya dapat menarik minat golongan pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu, seseorang guru atau individu yang mengajar PAFA kepada golongan pekak perlu berkemahiran di dalam BIM untuk memudahkan komunikasi antara satu sama lain. Dengan ini menyokong hasil kajian Mohd Huzairi Awang et. al., (2010), Hamdi Ishak et. al., (2010) dan Siti Muhibah Nor (2010) yang menyatakan bahawa seorang guru yang mengajar agama khususnya PAFA kepada pelajar pekak perlulah menguasai bahasa isyarat supaya dapat memudahkan komunikasi dengan pelajar pekak. Mohd Huzairi Awang et. al, (2010) turut mengatakan bahawa penguasaan guru dalam bahasa isyarat akan memudahkan komunikasi dengan pelajar pekak dan dapat menarik minat mereka untuk mempelajari PAFA. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa objektif bagi item B1 dan B 2 amat sesuai diletakkan sebagai objektif utama di dalam kurikulum BIM untuk PAFA.

Selain itu, bagi item B 2 dan B 3 turut mencapai konsensus pakar iaitu melebihi 0.60 iaitu dengan nilai *defuzzification* (0.713). Walaupun item B 3 iaitu “BIM sebagai bahasa utama dalam pengajaran PAFA kepada golongan pekak” dan dan B 4 iaitu “memberi panduan kepada komuniti pekak dalam mengetahui terminologi (perkataan) isyarat yang sesuai untuk PAFA” berada pada kedudukan yang kedua tetapi tetap dipersetujui oleh pakar sebagai objektif kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Dapatan ini menyokong dapatan Mohamed Sazali Shaari (2005) dan Abdullah Yusoff et., al., (2009) BIM merupakan bahasa utama golongan pekak dan sekiranya sesuatu pengajaran menggunakan BIM akan dapat meningkatkan pemahaman golongan pekak. Kenyataan ini amat bersesuaian dengan

item B 3 iaitu dengan menjadikan BIM sebagai bahasa utama di dalam pengajaran PAFA. Selain itu, menurut Mohamed Sazali Shaari (2005), BIM perlu diperluaskan dan diperkembangkan dari pelbagai aspek bidang dan kemahiran. Kenyataan ini juga amat bersesuaian dengan item B 4 dengan adanya kurikulum BIM untuk PAFA akan dapat mengembangkan terminologi BIM yang berkaitan dengan PAFA. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa objektif bagi item B 2 dan B 3 amat sesuai juga diletakkan sebagai objektif di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Perbincangan Reka Bentuk Isi Kandungan Kurikulum BIM untuk Golongan Pekak bagi PAFA

Seterusnya, analisis dilakukan dengan menajwab soalan kajian 2 iaitu; “Apakah reka bentuk isi kandungan kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA ?”.

Dalam bahagian C iaitu bahagian isi kandungan, kesemua pakar bersetuju dengan kesemua item perlu dimasukkan di dalam isi kandungan dengan mencapai konsensus pakar melebihi 0.60. Walaubagaimanapun, terdapat 5 item yang perlu diutamakan atau diberikan penekanan di dalam bahagian isi kandungan. Antaranya ialah item C 1, C 2, C 3, C 4 dan C 6 iaitu bahasa isyarat berkaitan lafaz syahadah, bahasa isyarat berkaitan rukun iman dan rukun islam, bahasa isyarat berkaitan bersuci, bahasa isyarat berkaitan aurat, dan bahasa isyarat berkaitan solat.

Berdasarkan daripada keputusan konsensus pakar, menunjukkan kelima item ini perlu diberikan penekanan dan keutamaan di dalam PAFA. Hal ini kerana, item ini merupakan item yang paling asas dan paling penting di dalam mempelajari PAFA bagi permulaan membentuk seorang muslim yang sejati. Oleh itu, kesemua pakar berpendapat bahawa item-item ini amatlah perlu dititikberatkan dalam mengajar BIM untuk golongan pekak bagi PAFA kerana di dalam mana-mana modul PAFA sekolah rendah, menengah

dan kelas Kafa remaja serta dewasa turut juga ditekankan dengan tajuk-tajuk ini sebagai asas permulaan mempelajari PAFA. Selain itu, di dalam penulisan Ismail Kamus et. al., (2009) yang bertajuk “Indahnya hidup bersyariat” telah menunjukkan tajuk-tajuk seperti lafaz syahadah, rukun iman dan rukun islam, bersuci, solat, puasa dan aurat merupakan tajuk permulaan. Selain itu, di dalam kajian Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2001) turut menunjukkan bahawa kelima-lima tajuk ini merupakan tajuk permulaan di dalam mempelajari PAFA di sekolah rendah dan menengah. Begitu juga melalui dapatan daripada Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) menunjukkan bahawa kelima tajuk ini adalah merupakan tajuk awal di ajar kepada golongan pekak remaja dan dewasa di beberapa buah negeri seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan sebagainya yang menjalankan kelas Kafa pada setiap hari Sabtu atau Ahad pada jam 2.00 petang.

Selain itu, item-item bagi item C 7, C 8, C 9, C 10, C 11, C 12, C 13 dan C 14 merupakan item yang berada pada kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* adalah (0.76). Antara itemnya ialah bahasa isyarat berkaitan puasa, bahasa isyarat berkaitan zakat, bahasa isyarat berkaitan haji dan umrah, bahasa isyarat berkaitan sembelihan dan umrah, bahasa isyarat berkaitan perkahwinan, bahasa isyarat berkaitan ihsan, bahasa isyarat berkaitan amalan zikir dan selawat, dan bahasa isyarat berkaitan amalan doa. Item-item ini juga perlu ada di dalam isi kandungan reka bentuk kurikulum tetapi kesemua item ini berada dalam keutamaan kedudukan yang kedua perlu diberikan keutamaan atau penekanan berdasarkan persetujuan pakar. Begitu juga item C 5 yang merupakan item yang berada pada kedudukan ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.753). Item berkenaan merupakan item bahasa isyarat berkaitan azan dan iqamah. Item ini juga perlu ada di dalam isi kandungan kurikulum tetapi pakar bersetuju item ini perlu diberikan keutamaan pada kedudukan ketiga. Hal ini kerana, pakar berpendapat bahawa item ini hanya sekadar pengetahuan sahaja kerana

bahasa isyarat tidak melibatkan suara serta intonasi seperti yang terdapat di dalam azan dan iqamah. Isi kandungan pelajarannya hanyalah memerlukan pelajar mengetahui maksud di dalam azan dan iqamah sahaja.

Oleh itu, jelas menunjukkan kesemua item untuk isi kandungan perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Namun, kesemua pakar telah menetapkan kedudukan skor bagi setiap item isi kandungan yang perlu diberikan keutamaan atau penekanan terlebih dahulu di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Perbincangan Reka Bentuk Aktiviti Pembelajaran Kurikulum BIM untuk Golongan Pekak bagi PAFA

Sementara itu, analisis dilakukan dengan menjawab soalan kajian ketiga berikut; “Apakah aktiviti pembelajaran kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?.

Dalam bahagian D yang dianalisis menunjukkan bahawa majoriti pakar bersetuju dengan kesemua item perlu ada di dalam reka bentuk kurikulum ini kerana telah mencapai konsensus pakar melebihi 0.60. Walaubagaimanapun item D 2 dengan nilai *defuzzification* (0.78) adalah merupakan item yang perlu diberikan keutamaan iaitu aktiviti pembelajaran menggunakan bahan visual. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran menggunakan bahan visual sangat perlu digunakan dalam pembelajaran bahasa isyarat untuk PAFA. Melalui penggunaan bahan visual akan memudahkan lagi individu yang mempelajari bahasa memahami dengan lebih mudah dan berkesan. Antara contoh bahan visual yang sesuai adalah kad bergambar dan sebagainya. Perkara ini selari dapatan kajian oleh Norlidah Alias et., al., (2013) sesuatu pembelajaran perlu disokong dengan menggunakan bahan visual supaya dapat meningkatkan kefahaman pelajar. Sebagai contoh, guru yang mengajar BIM untuk PAFA bagi golongan pekak akan menunjukkan gambar pergerakan dalam solat sambil

guru akan mengisyaratkan pergerakan solat tersebut supaya pelajar dapat mengaitkan gambar dengan isyarat yang dilakukan.

Selain itu, bagi item D 3 iaitu aktiviti penggunaan bahan teknologi berada pada kedudukan yang kedua dengan nilai *defuzzification* (0.76). Aktiviti pembelajaran menggunakan teknologi masih perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA tetapi menjadi keutamaan yang kedua berdasarkan persetujuan pakar. Aktiviti pembelajaran menggunakan teknologi perlu digunakan supaya dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu dengan lebih baik (Norlidah Alias et., al., 2013). Sebagai contoh, menggunakan teknologi seperti komputer, LCD projektor, televisyen dan sebagainya di dalam mengajar BIM untuk PAFA kepada pelajar.

Manakala bagi item D 5 dan D 6 iaitu aktiviti berinteraksi bersama golongan pekak dan aktiviti simulasi berada pada kedudukan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.746). Aktiviti pembelajaran seperti berinteraksi bersama golongan pekak dan aktiviti simulasi masih perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA tetapi menjadi keutamaan yang ketiga berdasarkan persetujuan pakar. Pakar berpendapat dengan meletakkan kedua-dua aktiviti di dalam skor yang sama membolehkan aktiviti ini dijalankan secara serentak atau digabungkan. Sebagai contoh, melakukan simulasi mengajar murid berwuduk dengan menggunakan bahasa isyarat. Didalam aktiviti simulasi juga telah mewujudkan aktiviti interaksi di antara pelajar dengan menggunakan bahasa isyarat.

Seterusnya, bagi item D 1 iaitu aktiviti berkumpulan berada pada kedudukan yang keempat dengan nilai *defuzzification* (0.733). Aktiviti pembelajaran kumpulan masih perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk PAFA bagi golongan pekak tetapi menjadi keutamaan yang keempat berdasarkan persetujuan pakar. Aktiviti berkumpulan boleh dilakukan secara

kumpulan besar atau kumpulan kecil (Noriati A. Rashid et., al., 2011). Misalnya, pelajar akan dibahagikan beberapa kumpulan dan mereka akan berbincang atau belajar bahasa isyarat bersama-sama di dalam ahli kumpulan. Ahli kumpulan yang lebih mahir boleh membimbing ahli kumpulan yang lemah dan ini akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih harmoni.

Kemudian, bagi item D 4 iaitu aktiviti permainan bahasa berada pada kedudukan yang kelima dengan nilai *defuzzification* (0.72). Aktiviti permainan bahasa masih perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk PAFA bagi golongan pekak tetapi telah menjadikan keutamaan yang kelima berdasarkan persetujuan pakar. Aktiviti permainan bahasa merupakan aktiviti yang dapat merangsang pelajar supaya lebih berminat untuk mempelajari sesuatu dengan lebih baik dan menyeronokkan (Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali, 2013). Antara contoh permainan bahasa yang boleh digunakan dalam pembelajaran BIM untuk PAFA ialah “permainan telefon buruk”, “cuba teka isyarat” , “siapa kena” dan sebagainya.

Oleh itu, jelas menunjukkan kesemua item ini perlu ada di dalam aktiviti pembelajaran BIM untuk golongan pekak bagi PAFA tetapi pakar telah menetapkan kedudukan skor bagi setiap item aktiviti pembelajaran bagi menunjuk aktiviti yang perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Perbincangan Reka Bentuk Penilaian Kurikulum BIM untuk Golongan Pekak bagi PAFA

Seterusnya, analisis dilakukan dengan menjawab soalan kajian ketiga berikut; “Apakah bentuk penilaian kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?.

Dalam bahagian E yang dianalisis menunjukkan bahawa majoriti pakar bersetuju dengan kesemua item perlu ada di dalam reka bentuk kurikulum ini kerana telah mencapai konsensus pakar melebihi 0.60. Walaubagaimanapun item E 2 dan E 3 dengan nilai *defuzzification* (0.74) adalah merupakan item yang perlu diberikan keutamaan iaitu ujian ekspresif dan ujian reseptif. Ujian ekspresif merupakan ujian yang dilakukan untuk melihat seseorang itu cuba untuk mengisyaratkan dengan sendiri (American Sign Language Curriculum, 2008). Dalam pelaksanaan ujian, pelajar akan diberikan ujian dengan mengisyaratkan perkara yang disebut oleh guru (Pro Forma Budaya Pekak dan Bahasa Isyarat Malaysia PISMP, 2008). Sebagai contoh, di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA, guru akan meminta pelajar berisyarat lafaz syahadah, maka pelajar akan menunjukkan kepada guru lafaz syahadah menggunakan bahasa isyarat. Manakala ujian reseptif merupakan ujian dimana pelajar akan membaca isyarat orang lain (American Sign Language Curriculum, 2008). Dalam pelaksanaan ujian ini, pelajar akan cuba membaca isyarat yang dibuat oleh guru (Pro Forma Budaya Pekak dan Bahasa Isyarat Malaysia PISMP, 2008). Misalnya, di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA, guru akan mengisyaratkan bacaan niat puasa kepada pelajar dan pelajar akan cuba membaca isyarat yang itu dengan betul. Kedua-dua ujian ini amat penting dijalankan supaya dapat mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa isyarat yang telah dipelajari.

Selain itu, item E 4 iaitu ujian interaksi berada pada kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* (0.727). Ujian interaksi ini juga merupakan ujian yang perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA tetapi diberikan keutamaan yang kedua setelah dipersetujui pakar. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap penguasaan pelajar berinteraksi sesama mereka atau orang pekak dengan menggunakan bahasa isyarat supaya mereka akan lebih berasa yakin dan bersemangat dalam menggunakan bahasa isyarat (Pro Forma Budaya Pekak dan Bahasa Isyarat Malaysia PISMP, 2008).

Seterusnya, item E 1 berada pada kedudukan yang ketiga iaitu dengan nilai *defuzzification* (0.706). Ujian bertulis merupakan ujian yang perlu dimasukkan di dalam kurikulum BIM untuk PAFA tetapi diberikan keutamaan yang ketiga atas persetujuan pakar. Ujian bertulis dijalankan dengan pelajar menjawab soalan kertas ujian yang diberikan oleh guru (Pro Forma Budaya Pekak dan Bahasa Isyarat Malaysia PISMP, 2008). Di dalam ujian itu merangkumi soalan-soalan yang berkaitan isyarat BIM untuk golongan pekak bagi PAFA yang telah dipelajari oleh pelajar.

Oleh itu, jelas menunjukkan kesemua item untuk bentuk ujian perlu ada di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Namun, pakar telah menetapkan kedudukan skor bagi setiap item bentuk penilaian bagi menunjukkan bentuk penilaian yang perlu diberikan keutamaan atau penekanan terlebih dahulu di dalam kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Implikasi Kajian

Dalam bahagian ini perbincangan meliputi tentang implikasi dan cadangan kajian melalui perbincangan dapatan kajian sebelum ini. Antara implikasi yang dibahaskan ialah implikasi amalan. Implikasi amalan menyarankan kerangka pelan tindakan atau saranan yang perlu dilakukan oleh pihak tertentu seperti Bahagian Pendidikan Khas (BPK) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam negeri, guru yang mengajar PAFA atau pendidikan Islam kepada golongan pekak, ibu bapa yang mempunyai anak pekak, dan komuniti pekak itu sendiri.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Amalan

Implikasi dan Cadangan Terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Dari sudut amalan pula kajian ini mencadangkan supaya pihak Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia amnya supaya memberi latihan yang khusus kepada guru-guru agama pendidikan khas bermasalah pendengaran yang mengajar PAFA kepada murid pekak untuk mempelajari BIM untuk PAFA supaya guru-guru berkemahiran dalam menggunakan BIM untuk mengajar PAFA kepada murid pekak. Selain itu, pihak KPM boleh mengetengahkan polisi atau dasar pendidikan yang menggunakan BIM sebagai medium komunikasi utama di dalam pengajaran pendidikan Islam khususnya PAFA kepada murid pekak.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Pihak jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajarnya melihat kajian ini suatu kajian yang signifikan berkenaan reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA yang perlu dikaji lebih mendalam supaya golongan pendakwah atau tenaga pengajar kelas KAFA di setiap negeri dapat mempelajari BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Hal

ini supaya mereka dapat menjalankan kerja dakwah dan mengajar PAFA kepada golongan pekak dengan lebih baik. Menurut Hamdi Ishak et., al., (2010) dan Mohd Huzairi Awang et. al.,(2010) dakwah dan pendidikan agama kepada kepada golongan pekak amatlah kurang. Oleh itu, masalah ini perlu ditangani dengan segera supaya golongan ini mendapat hak mereka di dalam pendidikan agama khususnya pendidikan PAFA.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Ibu Bapa Dan Guru Murid Pekak

Kajian mengenai reka bentuk kurikulum ini sebenarnya memberi peluang yang besar kepada ibu bapa dan guru yang mempunyai murid atau anak pekak dalam mempelajari BIM khususnya yang berkaitan PAFA. Jika sebelum ini ibu bapa dan guru tidak tahu bahasa isyarat yang sesuai boleh digunakan dalam mengajar PAFA kepada murid pekak, maka kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA ini dapat membantu mereka untuk mempelajarinya. Oleh itu, reka bentuk kurikulum ini dapat membantuk ibu bapa dan guru supaya dapat berinteraksi dengan golongan pekak bagi mengajar atau berbincang mengenai agama khususnya berkaitan dengan PAFA.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Golongan Pekak

Dengan adanya reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA ini dapat meningkatkan peluang kepada komuniti pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu, golongan pekak akan lebih menghayati dan mudah mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan seterusnya memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang

Kajian ini berpotensi dalam memastikan peluang dan ruang kepada guru, individu yang mengajar PAFA kepada golongan pakar dan golongan pakar sendiri dalam mengetahui bentuk-bentuk isyarat yang berkaitan dengan PAFA. Aspek reka bentuk kurikulum meliputi aspek objektif, isi kandungan, aktiviti pembelajaran dan bentuk penilaian telah didapati berdasarkan daripada konsensus pakar.

Oleh itu, kajian mengenai reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA merupakan suatu sumbangan kecil kepada bidang penyelidikan, khususnya membahaskan reka bentuk kurikulum yang mengaplikasikan pendekatan Fuzzy Delphi dan analisis *fuzzy*. Kajian ini membantu penyelidik lain mendalami cara pengajaran BIM bukan sahaja berkaitan dengan PAFA tetapi di dalam persepektif disiplin ilmu yang lain supaya dapat memperluaskan dan membangunkan BIM.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dalam bahagian ini, perbincangan akan mengupas tentang beberapa bentuk cadangan yang boleh dijadikan garis panduan kepada para penyelidik akan datang. Kajian ini telah mereka suatu bentuk kurikulum BIM untuk golongan pakar bagi PAFA dengan menjadikan model Taba sebagai rujukan di dalam mereka bentuk kurikulum. Kajian ini telah menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan persetujuan pakar di dalam mereka bentuk kurikulum ini. Dicadangkan untuk kajian berikutnya, pengkaji boleh menggunakan *Fuzzy Delphi* dengan mendapatkan sampel yang lebih luas dan besar meliputi semua persatuan orang pakar, sekolah dan individu yang berkepakaran di dalam BIM serta PAFA di seluruh Malaysia bagi memastikan impak yang lebih luas serta memberangsangkan kepada ilmu bidang ini.

Selain itu, cadangan kajian pada masa akan datang, dicadangkan supaya membuat satu kajian pembangunan model kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA dengan penyelidik boleh membangunkan satu model pengajaran BIM untuk golongan pekak bagi PAFA supaya dapat menjadi panduan di dalam melaksanakan pengajaran BIM yang berkaitan dengan PAFA untuk golongan pekak.

Kajian mengenai reka bentuk kurikulum ini wajar diteruskan supaya dapat membawa perubahan yang baharu kepada pendidikan agama kepada golongan pekak. Kajian berkaitan dengan kurikulum untuk bahasa isyarat atau golongan pekak amatlah kurang. Saranan pengkaji supaya kajian seperti ini perlulah sentiasa dikembangkan dan diteruskan supaya dapat membuat suatu perubahan yang baharu di dalam sistem pendidikan untuk golongan kurang upaya khususnya golongan pekak di dalam mempelajari agama.

Rumusan

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab untuk mengkaji reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Objektif kajian ini adalah mendapatkan pandangan pakar terhadap reka bentuk objektif, isi kandungan, aktiviti pembelajaran, dan bentuk penilaian kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian, pendekatan Fuzzy Delphi digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar dengan menggunakan instrument kepada 30 orang pakar yang dipilih daripada pelbagai bidang dan latar belakang bagi menjawab persoalan kajian. Daripada instrument tersebut, sebanyak 4 bahagian yang dibincangkan dan dibahagikan kepada 28 item bagi mendapatkan konsensus pakar.

Dapatan kajian menunjukkan antara 28 item yang dianalisis majoriti pakar bersetuju dengan kesemua item dengan kesemua item mencapai nilai defuzzification melebihi 0.60 hingga 0.80. Ini menunjukkan kesemua item ini amat penting dan berada pada tahap persetujuan sederhana setuju, setuju dan sangat setuju. Semua item telah disepakat dan dipersetujui oleh pakar dan perlu dimasukkan di dalam reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Namun, kesemua pakar telah membuat konsensus dengan menyusun atau menetapkan item-item yang perlu diberikan penekanan atau keutamaan di dalam reka bentuk kurikulum ini. Antara item yang perlu diberikan penekanan di dalam bahagian B iaitu bahagian reka bentuk objektif kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA, ialah item B 1 dan item B 2 dengan nilai *defuzzification* (0.72) iaitu “meningkatkan kefahaman dan penguasaan golongan pekak terhadap PAFA dengan menggunakan BIM sebagai alat komunikasi utama” dan “menarik minat golongan pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan”. Seterusnya. Item B 3 dan B 4 mendapat kedudukan

keutamaan yang kedua dengan nilai *defuzzification* (0.713) iaitu “BIM sebagai bahasa utama dalam pengajaran PAFA kepada golongan pekak” dan “memberi panduan kepada komuniti pekak dalam mengetahui terminologi isyarat yang bersesuaian untuk PAFA”.

Seterusnya, bagi bahagian C iaitu bahagian reka bentuk isi kandungan kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA menunjukkan antara item yang perlu diberikan penekanan atau keutamaan ialah item C 1, C 2, C 3, C 4 dan C 6 dengan nilai *defuzzification* (0.767). Antara item yang berada pada kedudukan pertama yang perlu diberikan keutamaan atau penekanan ialah bahasa isyarat yang berkaitan lafaz syahadah, bahasa isyarat berkaitan rukun iman dan rukun islam, bahasa isyarat berkaitan bersuci, bahasa isyarat berkaitan aurat dan bahasa isyarat berkaitan solat. Selain itu, item bagi C 7, C 8, C 9, C 10, C 11, C 12, C 13, dan C 14 berada pada kedudukan keutamaan yang kedua dengan nilai *defuzzification* (0.76). Antara itemnya ialah bahasa isyarat berkaitan puasa, bahasa isyarat berkaitan zakat, bahasa isyarat berkaitan haji dan umrah, bahasa isyarat berkaitan sembelihan dan korban, bahasa isyarat berkaitan perkahwinan, bahasa isyarat berkaitan ihsan, bahasa isyarat berkaitan amalan zikir dan selawat serta bahasa isyarat berkaitan amalan doa. Akhir sekali, bagi item C 5 berada pada kedudukan keutamaan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.753). Antara itemnya ialah bahasa isyarat yang berkaitan azan dan iqamah.

Kemudian, bagi bahagian D iaitu bahagian reka bentuk aktiviti pembelajaran kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA menunjukkan antara item yang perlu diberikan keutamaan atau penekanan berdasarkan konsensus pakar ialah aktiviti pembelajaran menggunakan bahan visual (D 2) berada pada kedudukan keutamaan yang pertama dengan nilai *defuzzification* (0.78). Diikuti dengan aktiviti pembelajaran menggunakan bahan teknologi (D 3) iaitu berada pada kedudukan keutamaan yang kedua dengan nilai *defuzzification* (0.76). Seterusnya, aktiviti interaksi bersama golongan pekak (D

5) dan aktiviti simulasi (D 6) berada pada kedudukan keutamaan aktiviti pembelajaran yang ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.746). Kemudian bagi item aktiviti pembelajaran berkumpulan (D 1) berada pada kedudukan keutamaan yang keempat dengan nilai *defuzzification* (0.733). Akhir sekali, item bagi aktiviti pembelajaran permainan bahasa (D 4) berada pada kedudukan keutamaan yang kelima iaitu dengan nilai *defuzzification* (0.72).

Pada bahagian E pula iaitu bahagian penilaian antara bentuk penilaian yang perlu diberikan keutamaan dalam kedudukan pertama ialah ujian ekspresif (E 2) dan ujian reseptif (D 3) dengan nilai *defuzzification* (0.74). Manakala bagi ujian interaksi (D 4) berada pada kedudukan keutamaan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.727). Akhir sekali ujian bertulis (D 1) berada pada kedudukan keutamaan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* (0.706).

Dalam konteks kajian ini, implikasi kajian dikupas melalui implikasi amalan yang mencadangkan pihak Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia amnya memberi latihan yang khusus untuk mempelajari BIM untuk golongan pekak bagi PAFA kepada guru-guru agama pendidikan khas bermasalah pendengaran yang mengajar PAFA kepada murid pekak supaya guru-guru berkemahiran dalam menggunakan BIM untuk mengajar PAFA kepada murid pekak. Selain itu, pihak KPM boleh mengetengahkan polisi atau dasar pendidikan yang menggunakan BIM sebagai medium komunikasi utama di dalam pengajaran pendidikan Islam khususnya PAFA kepada murid pekak. Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajarnya melihat kajian ini suatu kajian yang signifikan berkenaan reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA yang perlu dikaji lebih mendalam supaya golongan pendakwah atau tenaga pengajar kelas PAFA di setiap negeri dapat mempelajari BIM bagi menjalankan kerja dakwah dan mengajar PAFA kepada golongan pekak dengan lebih baik. Seterunya, kajian mengenai reka bentuk

kurikulum ini sebenarnya memberi peluang yang besar kepada ibu bapa dan guru yang mempunyai murid atau anak pekak dalam mempelajari BIM khususnya yang berkaitan PAFA. Jika sebelum ini ibu bapa dan guru tidak tahu bahasa isyarat yang sesuai boleh digunakan dalam mengajar PAFA kepada murid pekak, maka kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA ini dapat membantu mereka untuk mempelajarinya. Oleh itu, reka bentuk kurikulum ini dapat membantuk ibu bapa dan guru supaya dapat berinteraksi dengan golongan pekak bagi mengajar atau berbincang mengenai agama khususnya berkaitan dengan PAFA. Akhir sekali, dengan adanya reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA ini dapat meningkatkan peluang kepada komuniti pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu, golongan pekak akan lebih menghayati dan mudah mempelajari PAFA dan memberi peluang serta ruang kepada mereka untuk mendekati diri dengan Allah SWT.

Kesimpulannya, dapatan daripada kajian reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA menunjukkan bahawa amat penting kajian ini diadakan supaya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dan negara terhadap kepentingan BIM kepada golongan pekak dalam mempelajari agama khususnya yang berkaitan dengan PAFA.